

## Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab *Cognitive strategy on Arabic vocabulary learning*

Open  
Access

Nur Fadilah Abdul Basit<sup>1,\*</sup>, Isa Hamzah<sup>1</sup>, Harun Baharudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 13 December 2016

Received in revised form 28 December 2016

Accepted 31 December 2016

Available online 12 January 2017

### ABSTRACT

Penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab perlu diberi perhatian bagi meningkatkan pengukuhan terhadap kosa kata sedia ada mahupun yang baru dipelajari. Tujuan kajian adalah bagi mengenalpasti tahap aplikasi strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan skor min bagi aplikasi strategi kognitif dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kajian melibatkan pelajar semester 3 daripada program Bahasa Arab, USIM seramai 123 orang. Metodologi kajian berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data mentah kajian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penggunaan strategi kognitif dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Manakala perbezaan jantina pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aplikasi strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Oleh itu, para pelajar perlu memanfaatkan penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab demi kebaikan terhadap pengukuhan dalam jangka masa panjang.

*The use of cognitive strategy in Arabic vocabulary learning strategies need to be addressed in order to enhance consolidation the existing vocabulary as well as the new ones. For that purpose, the present study investigated the use of cognitive strategy on Arabic vocabulary learning and to determine comparison the use of cognitive strategy among male and female students. This study was carried on 123 students of third semester from Bachelor Arabic and Communication in Islamic Science University of Malaysia (USIM). This quantitative survey used a questionnaire in order to obtain the data. The results of study showed that the level cognitive strategy used by students was at moderate level. While comparison of gender showed there is no significant difference in their cognitive strategy uses in Arabic vocabulary learning. Therefore, the students should take the benefits from the use of cognitive strategy for their Arabic vocabulary learning in order to consolidate the Arabic words for long term.*

#### Keywords:

Cognitive strategy, Arabic of vocabulary learning, Direct learning

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

\* Corresponding author.

E-mail address: [nurfadilah230990@gmail.com](mailto:nurfadilah230990@gmail.com) (Nur Fadilah Abdul Basit)

## **1. Pendahuluan**

Penekanan terhadap aspek kognitif dalam pembelajaran bahasa merupakan antara ciri-ciri pembelajaran pada abad ke-21. Berdasarkan matlamat itu, para pelajar yang didedahkan dan dilatih dalam aplikasi strategi kognitif akan menjadikan pembelajaran bahasa mereka yang mementingkan pengukuhan terhadap pembelajaran yang telah dipelajari. Menurut [37] dengan pendedahan dalam pembelajaran bahasa yang menekankan aspek kognitif para pelajar mampu untuk menganalisis, mensintesis dan menyimpan maklumat dalam memori. Justeru, para pelajar yang dapat melatih aplikasi kognitif dalam pembelajaran bahasa dapat mengukuhkan ingatan sedia ada mahupun yang baru dipelajari untuk jangka masa panjang [25].

Pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing memerlukan aplikasi kognitif bagi menghasilkan pengukuhan kosa kata bahasa Arab. Aplikasi kognitif diperlukan bagi tujuan tersebut kerana kemampuan ingatan seseorang individu terhadap bagi menyimpan segala maklumat ke dalam memori [15]. Pernyataan ini disokong oleh [70] yang menyatakan bahawa penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dapat mengaktifkan minda bagi mengukuhkan ingatan terhadap proses pembelajaran yang telah dilalui. Dalam erti lain, strategi kognitif menekankan gaya pelajar bahasa menggunakan pemikiran mereka secara langsung bagi membuat penaaakuan terhadap maklumat yang diterima dan disimpan ke dalam memori.

Pengukuhan kosa kata bahasa Arab yang baru mahupun telah dipelajari mampu dilakukan dengan aplikasi kognitif. Aplikasi kognitif dalam pembelajaran bahasa dapat diterjemahkan dengan mengaplikasikan aktiviti yang merangsang penggunaan kognitif untuk mengukuhkan ingatan [32]. Oleh yang demikian, faktor motivasi diperlukan bagi menggalakkan aplikasi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Pernyataan ini disokong oleh [17,20,46] yang menyatakan motivasi mempunyai pengaruh yang kuat sebagai faktor penyumbang dalam pencapaian pembelajaran bahasa.

Akan tetapi pelajar kurang menggunakan aplikasi kognitif dalam proses pembelajaran kosa kata. Pernyataan ini diperkukuhkan dengan dapatan kajian [30,32,35,47,64] menunjukkan tahap penggunaan strategi kognitif dalam SPB masih berada pada tahap sederhana. Tidak dinafikan bahawa menjadi kebiasaan para pelajar memilih strategi yang mudah dan popular sahaja [60] berbanding strategi yang bersifat pengukuhan dan pengekalan terhadap kosa kata yang telah dipelajari [24]. Manakala kajian [6,25] mendapati bahawa strategi kognitif sukar dipraktikkan dan para pelajar kurang menggunakan strategi kognitif serta strategi menyimpan nota yang berkaitan dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing mereka. Kekangan yang berlaku kebanyakan daripada sikap pelajar itu sendiri dalam menjayakan proses pembelajaran bahasa mereka.

Walau bagaimanapun, kesedaran terhadap para pelajar dalam menggunakan aplikasi kognitif perlu diberi perhatian agar proses pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan [42]. Pernyataan ini disokong oleh [43] yang menyatakan di dalam bidang psikologi kognitif telah membuktikan bahawa pelajar mempunyai cara belajar yang berkesan mereka mampu dalam memproses maklumat untuk difahami secara mendalam dan diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa. Jesteru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap aplikasi strategi kognitif terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dan melihat perbezaan skor min bagi strategi kognitif dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

## **2. Latar belakang kajian**

Bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau asing telah mengalami perubahan dengan penekanan kepada pelajar dan pembelajaran berbanding kepada pengajaran guru [47].

Natijahnya, strategi pembelajaran bahasa telah menjadi salah satu bidang penyelidikan yang berkembang dengan menjalankan pelbagai kajian yang berkaitan dengan pelajar dan juga proses pengajaran dan juga pembelajaran. [62] menegaskan bahawa terdapat signifikan terhadap kajian strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang dijalankan kebanyakannya meneliti hubungan penggunaan SPB dengan penguasaan bahasa.

Dalam mencapai kejayaan dalam pembelajaran bahasa, para pelajar memerlukan pembelajaran arahan sendiri. Pembelajaran arahan sendiri merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi cara pembelajaran seseorang pelajar [1]. [34] tujuan membangunkan strategi pembelajaran di dalam diri pelajar untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pembelajaran bahasa. Penggunaan strategi afektif umpamanya akan membangunkan keyakinan diri dan ketekunan yang diperlukan untuk pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran bahasa [54].

Menurut [61], di antara faedah utama yang diperoleh daripada strategi pembelajaran termasuklah strategi pembelajaran kosa kata, pelajar boleh mengawal pembelajaran mereka dan lebih bertanggungjawab terhadapnya. Pelajar yang mempunyai strategi dalam pembelajaran kosa kata dan mempunyai sifat sendiri didapati lebih berjaya dalam pencapaian akademik berbanding mereka yang tidak mempunyai strategi yang berkesan [5].

Dalam konteks pembelajaran kosa kata bahasa Arab lebih bersifat kajian penerokaan. Dapatan beberapa kajian [3,23,45] menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi semasa mempelajari kosa kata bahasa Arab. [3] yang mengkaji penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar tahun pertama universiti di Malaysia mendapati 5 strategi telah digunakan dengan penggunaan kamus merupakan strategi yang paling banyak digunakan oleh responden kajian mereka.

[23] melaporkan dapatan kajiannya mereka yang mana sampel kajian telah menggunakan 18 strategi digunakan semasa mempelajari kosa kata bahasa Arab dengan strategi penentuan merupakan strategi yang paling kerap penggunaannya. Manakala kajian Nik Hanan & Rabiatul Aribah [45] mendapati strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia adalah strategi terjemahan. Menurut [53] tahap pengetahuan pelajar terhadap strategi pembelajaran mempengaruhi cara mereka memilih dan menggunakan sesuatu strategi.

Antara kajian SPB lain yang telah dijalankan oleh [30,32,35,47,64] telah melaporkan bahawa penggunaan strategi yang berkaitan kognitif dalam SPB berada pada tahap sederhana. Strategi kognitif merupakan salah satu strategi yang penting dalam pembelajaran bahasa. Ia bertujuan untuk menggunakan mental dan akal untuk tujuan memproses maklumat yang diterima [62]. Ia berperanan sebagai cara bagaimana pelajar membina pemahaman yang mendalam dengan menggunakan mental sebagai platform utama bagi menyusun atur pengetahuan lama dan baru bagi menggunakan bahasa tersebut.

Menurut [49] pula berpendapat bahawa pelajar bahasa memanipulasi bahan pembelajaran bahasa secara langsung seperti mencatat nota di dalam kelas, mendengar rakaman audio senarai kosa kata, melabelkan kosa kata pada objek-objek fizikal, menggunakan senarai perkataan bahasa Arab dan kad imbasan serta melakukan pengulangan dalam bentuk tulisan dan lisan.


Justeru, keperluan kepada pembelajaran sendiri dan sikap autonomi perlu diberi perhatian kerana ruang proses pengajaran guru bahasa bersama pelajar adalah terhad. Situasi tersebut menyebabkan para pelajar perlu melakukan usaha yang lebih baik agar proses pembelajaran bahasa dapat berjalan dengan baik. Oleh itu, usaha dalam memperluaskan diri pelajar dengan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata merupakan salah satu cara membantu mereka meningkatkan pengetahuan tentang kosa kata [21]. Hal ini demikian kerana strategi pembelajaran ialah satu bentuk

pemikiran dan tindakan yang digunakan samada secara sedar atau tidak untuk mempelajari sesuatu maklumat baru [9].

### 2.1. Model Pengukuhan kosa kata Schmitt (1997)

Strategi kognitif diaplikasikan oleh para pelajar bahasa untuk lebih memahami dan menghasilkan bahasa sasaran. Strategi ini bertindak secara langsung terhadap maklumat bahasa yang diterima yang membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna [32]. [62] mendefinisikan strategi kognitif merupakan strategi pengukuhan kosa kata bahasa yang mana melibatkan proses menjadikan mental sebagai alat untuk mempelajari bahasa secara terancang [62]. Melihat rajah 1 strategi kognitif diklasifikasikan dibawah strategi pengukuhan dari sudut taksonomi pembelajaran kosa kata.

Pendapat [62] disokong oleh Nation [44] yang menyatakan strategi pengukuhan adalah 'strategi mengukuhkan kosa kata' adalah para pelajar menguatkan pengetahuan awal yang sedia ada.



Rajah 1. Model klasifikasi Strategi Pembelajaran kosa kata Schmitt [62]

### 3. Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik yang dibina dan dimodifikasi berasaskan set soal selidik strategi pembelajaran kosa kata [62]. Soal selidik mengandungi 20 soalan yang terdiri daripada satu konstruk iaitu strategi kognitif.

Indeks kebolehpercayaan Alfa Crobach bagi konstruk strategi kognitif (20 item) adalah 0.81. Ia menggambarkan bahawa instrumen kajian mempunyai kestabilan dan ketekalan yang baik dalam mengukur item konstruk. Justeru, item dalam instrumen kajian boleh diguna pakai di dalam kajian sebenar kerana mempunyai nilai Alfa Cronbach adalah 0.81. Nilai Alfa Cronbach yang melebihi daripada 0.80 menunjukkan bahawa item dalam soal selidik boleh diterima dan dianggap baik [66].

Bagi tujuan itu, sampel yang terlibat adalah pelajar semester 3 program Bahasa Arab dan Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Jumlah keseluruhan pelajar adalah 190 orang. Pemilihan sampel telah dibuat berdasarkan teknik persampelan bertujuan yang mana memilih seramai 123 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut sampel yang dipilih yang merangkumi 53 orang pelajar lelaki dan 70 orang pelajar perempuan.

Kemudian para pelajar membuat pemilihan berdasarkan skala likert yang diberikan. Bagi mengukur tahap penggunaan strategi kognitif, soal selidik ini menggunakan kaedah penginterpretasian yang dikemukakan oleh [54]. Nilai interpretasi skor min rendah untuk tahap strategi kognitif ialah min = 1.0 - 2.4, nilai interpretasi skor min untuk tahap strategi kognitif yang

sederhana ialah min = 2.5 - 3.4, manakala nilai interpretasi skor min untuk tahap strategi kognitif yang tinggi ialah min = 3.5-5.0.

#### 4. Dapatan kajian

Nilai skor min di interpretasi bagi setiap strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

**Jadual 4**  
Analisis skor min dan sisihan piawai bagi strategi kognitif

No	Substrategi kognitif	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Memberi perhatian kepada setiap kosa kata yang baru dipelajari.	3.14	.99	Sederhana
2	Bertanyakan kepada guru atau rakan sekelas apabila tidak memahami kosa kata baru yang dipelajari.	3.33	1.01	Sederhana
3	Merujuk kamus apabila tidak mengetahui makna kosa kata yang dipelajari.	3.41	1.08	Sederhana
4	<b>Berusaha untuk mengetahui kata dasar sesuatu kosa kata agar dapat memahami maknanya.</b>	<b>3.68</b>	3.78	<b>Tinggi</b>
5	Meneka makna jika tidak memahami kosa kata tersebut berdasarkan keseluruhan satu ayat.	3.41	1.04	Sederhana
6	Menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) Contoh: قد غابت فاطمة في الغابة	2.82	1.09	Sederhana
7	Mencipta definisi sendiri terhadap kosa kata tersebut. Contoh: menggunakan frasa □درس الجاعة □ untuk perkataan □حاضرة □(pensyarah)	2.95	1.09	Sederhana
8	Melakonkan kosa kata tersebut dalam bentuk perbuatan.	2.69	1.03	Sederhana
9	Mengulangi kosa kata tersebut secara nyaring dengan kerap.	2.97	1.09	Sederhana
10	Menyebut atau menulis kosa kata Arab yang baru berulang kali.	2.93	1.11	Sederhana
11	Menyenaraikan kosa kata tersebut.	2.98	1.04	Sederhana
12	Menggunakan kad imbasan untuk merekodkan kosa kata.	2.75	1.02	Sederhana
13	Menyimpan nota berkaitan kosa kata di dalam kelas.	3.05	1.08	Sederhana
14	Melabelkan objek fizikal dalam perkataan bahasa Arab.	2.80	.94	Sederhana
15	Menyimpan buku nota kosa kata.	3.07	1.08	Sederhana
16	Membaca bahan-bahan bahasa Arab untuk hiburan.	2.89	1.07	Sederhana
17	<b>Membaca keseluruhan teks secara pintas lalu untuk mendapatkan idea umum.</b>	<b>3.58</b>	4.78	<b>Tinggi</b>
18	Memerhatikan maklumat pada setiap pencarian kosa kata yang dirujuk dalam kamus.	3.10	1.16	Sederhana
19	Mengulang setiap hari/minggu untuk mengingati semula terhadap kosa kata yang baru dipelajari.	2.85	1.02	Sederhana
20	Menonton televisyen dan video serta mendengar radio yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk mengimbas kembali terhadap kosa kata yang telah dipelajari.	2.80	1.17	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.06</b>	1.38	<b>Sederhana</b>

Analisis jadual 4 menunjukkan skor min tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Dapatan menunjukkan skor min tertinggi adalah item 4 (min=3.68, S.P=3.78) pada tahap sederhana. Sebaliknya, skor min terendah adalah item 8 (min=2.69, S.P=1.03) juga pada

tahap sederhana. Manakala bagi skor min secara keseluruhan adalah ( $\text{min}=3.06$ ,  $\text{S.P}=1.38$ ). Ini menunjukkan bahawa para pelajar hanya mengaplikasikan penggunaan strategi kognitif secara sederhana dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mereka.

Ujian-t dalam jadual 5 menunjukkan perbezaan min strategi kognitif berdasarkan jantina.

**Jadual 5**

Tahap skor min bagi strategi kognitif mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Signifikan
Lelaki	53	3.12	0.34	1.00	0.33
Perempuan	70	3.02	0.30		

\* $p=0.47$ ;  $>0.05$  maka  $H_0$  diterima dan tidak signifikan

Berdasarkan ujian Levene's test yang dijalankan, jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap skor min strategi kognitif mengikut jantina ( $t=1.00$ ;  $p>0.05$ ) dan pada tahap signifikan 0.33. Tahap signifikan lebih besar daripada ( $p>0.05$ ). Manakala, min pelajar lelaki ( $\text{min}=3.12$ ) mewakili tahap min yang sama dengan min pelajar perempuan ( $\text{min}=3.02$ ). Dengan keputusan analisis terhadap jantina ini terbukti bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan.

## 5. Perbincangan

### 5.1. Tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab adalah berada pada tahap sederhana. Dapatan ini adalah tidak berbeza dengan beberapa dapatan kajian [30,32,35,47,64] yang menyatakan bahawa tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa dalam kajian mereka turut berada pada tahap sederhana.

Secara keseluruhan hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi substrategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab berada pada tahap sederhana mungkin disebabkan motivasi dan sikap pelajar yang lemah dalam proses mempelajari bahasa. Justifikasi ini disokong oleh [17] yang menyatakan faktor pelajar merupakan diyakini mempengaruhi pemilihan dan penggunaan strategi bahasa. [36,39,48,56] turut memperihalkan dalam kajian SPB mereka turut memperihalkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggunaan SPB.

Motivasi pelajar merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Pendapat ini disokong dalam kajian Gardner dan [19]; [55] yang mendapati bahawa motivasi pelajar bahasa kedua mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pembelajaran bahasa. Justeru, motivasi memainkan peranan penting sebagai pemacu kejayaan dalam pembelajaran bahasa asing atau kedua.

Selain itu, sikap pelajar terhadap ketidakmahuan untuk menggunakan aktiviti yang melibatkan aplikasi kognitif seperti menganalisa dan menaakul dalam pembelajaran kosa kata [32] juga bergantung kepada tahap motivasi seseorang individu. Pernyataan ini disokong oleh [14,20,30,46] yang menyokong bahawa motivasi pelajar menjadi faktor yang menyumbang kepada kejayaan pembelajaran bahasa. Oleh itu, sikap pelajar mencerminkan identiti seseorang individu yang mempunyai ciri-ciri pelajar bahasa yang baik.

Hal yang berkemungkinan berlaku disebabkan pemikiran para pelajar yang meletakkan pembelajaran bahasa Arab dipelajari sekadar untuk memenuhi tuntutan syarat wajib perlu dipelajari di sekolah. Akibatnya, penggunaan strategi kognitif tidak digunakan secara aktif sebagai strategi pembelajaran yang berkesan dan terancang bagi pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Justifikasi ini

disokong oleh kajian Okada, Oxford dan Abo [50] yang melaporkan bahawa pelajar yang kurang bermotivasi tidak dapat mengaplikasikan strategi pembelajaran bahasa yang lebih baik dan berkesan.

[54] telah mengklasifikasikan strategi secara langsung melibatkan strategi memori, strategi kognitif dan strategi tampungan. Namun begitu, [54] berpandangan bahawa strategi kognitif dan strategi memori merupakan strategi yang berbeza. Strategi memori lebih menekankan penghafalan dan penyimpanan. Manakala strategi kognitif memfokuskan pengukuhan bahasa tersebut yang memerlukan proses untuk menggunakan kosa kata tersebut pada tempat dan makna yang sesuai [32] Strategi kognitif dikategori sebagai proses produktif dan strategi memori pula dikenali sebagai proses reseptif. Justeru, strategi memori hanya bersifat sebagai proses penemuan perkataan dan penghafalan bagi meningkatkan saiz kosa kata. Manakala strategi kognitif berkenaan penggunaan bahasa tersebut yang mana memerlukan proses untuk mengingat kembali perkataan-perkataan yang telah dipelajari dan baru dipelajari.

Melalui hasil dapatan kajian ini hanya dua strategi kognitif digunakan oleh pelajar dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab iaitu strategi “berusaha untuk mengetahui kata dasar sesuatu kosa kata agar dapat memahami maknanya” dan strategi “membaca keseluruhan teks secara pintas lalu untuk mendapatkan idea umum”. Manakala dicadangkan strategi kognitif yang lain seperti “memberi perhatian kepada setiap kosa kata yang baru dipelajari, strategi “bertanyakan kepada guru atau rakan apabila tidak memahami kosa kata yang baru dipelajari, strategi “merujuk kamus” dan strategi “meneka makna berdasarkan keseluruhan ayat” dapat diaplikasikan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab agar proses penambahbaikan terhadap pengukuhan kosa kata bahasa Arab lebih efektif untuk jangka masa panjang.

Namun begitu, hasil keputusan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian [13,26,27] yang menunjukkan strategi kognitif merupakan yang paling kerap digunakan. Dapatan kajian ini menyokong pendapat [49,54] yang menyatakan bahawa strategi kognitif kebiasaannya merupakan SPB yang paling popular dan kerap digunakan oleh pelajar bahasa. Manakala dapatan kajian [32] melaporkan strategi kognitif merupakan antara strategi paling kurang digunakan oleh pelajar sekolah menengah agama dan [25] menyatakan bahawa penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap rendah.

Dapatan terhadap tahap penggunaan strategi kognitif yang tidak konsisten berkemungkinan bergantung kepada proses pengajaran yang diamalkan di dalam kelas. Jika diamalkan secara berpusatkan guru maka para pelajar kurang bertindak secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Sebaliknya, proses pembelajaran yang mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar, aplikasi kognitif diperlukan bagi berfikir untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka. Ini bertepatan dengan pendapat [63,68] yang menyatakan aplikasi kognitif akan melibatkan pelbagai kemahiran berfikir untuk digunakan penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dihadapi.

## *5.2. Perbezaan min strategi kognitif berdasarkan jantina*

Dapatan perbezaan jantina menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aplikasi strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Dapatan kajian ini selari dengan hasil keputusan kajian [4,7,10,11,52,65,69] yang mendapati tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam penggunaan SPB.

Kebanyakan pengkaji yang lepas pula mendapati bahawa kajian pelajar perempuan banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lelaki. Kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh [2,8,16,18,22,29,38,39,41]. Malah ada juga kajian menyimpulkan bahawa kadangkala pelajar lelaki lebih banyak menggunakan sesetengah strategi tertentu [57,67].

Kajian Politzer [59] juga melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran sosial daripada pelajar lelaki dalam penggunaan SPB. Pelajar perempuan juga lebih banyak berinteraksi ketika didalam kelas berbanding pelajar lelaki. Kajian ini selari dapatan kajian [40] yang mendapati bahawa pelajar perempuan juga lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa ketika mempelajari bahasa Inggeris berdasarkan keada tiga kategori strategi iaitu pembelajaran di dalam kelas, di luar kela dan persediaan untuk peperiksaan.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian disimpulkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan sama banyak dalam menggunakan strategi kognitif ketika mempelajari kosa kata bahasa Arab. Hasil kajian bermaksud bahawa jantina tidak mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab, sebaliknya pencapaian bergantung kepada usaha masing-masing untuk menentukan kejayaan proses pembelajaran bahasa mereka.

Cross [12] berpandangan berpandangan perbezaan jantina dalam pencapaian bahasa sasaran mempunyai perkaitan dengan jantina guru bahasa yang bertindak sebagai "*role model*". Kajian melibatkan para pelajar bahasa Perancis di Amerika di mana majoriti guru bahasanya adalah perempuan. Kesan interaksi antara jantina guru perempuan menjadi model ikutan positif untuk pelajar perempuan, tetapi tidak bagi pelajar lelaki. Hasilnya, pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB kesan daripada interaksi jantina tersebut.

Oleh itu, kajian-kajian yang berlatar belakang pada bahasa, budaya, dan populasi [22,40,58,67] hendaklah diteruskan bagi membuat penerokaan dapatan terhadap perbezaan individu ini. Tambahan pula, faktor perbezaan individu yang terdapat di kalangan mereka yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia adalah dilingkungi oleh latar bahasa dan persekitaran yang unik. Aspek keagamaan, budaya setempat, dan kedudukan bahasa Arab pada kaca mata pelajar turut mencorakkan penggunaan strategi pembelajaran [31].

## 6. Implikasi kajian

Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan di dalam kelas sebagai proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab secara langsung. Para pelajar perlu bertindak secara aktif dan kreatif dalam mencari pendekatan baru yang sesuai dengan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing ini. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi kognitif boleh dijadikan sebagai salah satu strategi pembelajaran kosa kata yang bertujuan untuk pengukuhan terhadap kosa kata bahasa Arab. Oleh itu, pelajar perlu mengambil inisiatif untuk terus mencuba dan menunjukkan rasa tanggungjawab individu terhadap pendidikan bahasa.

Pensyarah juga perlu memberi penekanan terhadap kaedah pengajaran di dalam kelas agar para pelajar dapat mempratikkan sebagai gaya pembelajaran para pelajar apabila berada di luar kelas. Sebagai contoh, pensyarah bahasa menjadi pembimbing kepada para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab di dalam mahupun luar kelas. Hal ini akan mewujudkan pembelajaran berkonsepkan konstruktivism agar para pelajar dapat meningkatkan pembelajaran sendiri dan secara langsung dapat memaksimakan penggunaan kognitif para pelajar.

Justeru, proses pembelajaran bahasa yang menggunakan aplikasi kognitif secara langsung akan mendorong para pelajar untuk bertindak membentuk cara pembelajaran mereka yang berpusatkan pelajar (*student centered learning*). Dalam hal ini, para pelajar berpeluang untuk mencorakkan pembelajaran mereka secara aktif menggunakan minda untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Kesedaran diantara guru dan pelajar perlu diwujudkan agar proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara terancang membawa kejayaan yang ingin dicapai.



## 6.1. Kesimpulan

Secara keseluruhan, strategi kognitif untuk pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab melibatkan kemahiran belajar yang terbaik dalam mengukuhkan pembelajaran pelajar bahasa. Namun begitu, kerjasama di antara pensyarah dan pelajar juga memainkan peranan yang penting bagi menjayakan proses pembelajaran bahasa. Para pelajar perlu aktif berlatih merangsang penggunaan minda bagi proses pembelajaran bahasa secara langsung agar tujuan pengukuhan terhadap kosa kata bahasa Arab dapat dicapai dengan lebih efektif. Kerjasama diantara dua pihak ini memainkan peranan yang penting agar pembelajaran kosa kata memberi impak yang baik dan membawa kepada kelancaran proses pembelajaran bahasa Arab.

## Rujukan

- [1] Abhakorn, Jirapa. "The implications of learner strategies for second or foreign language teaching." *ARECLS* 5 (2008): 186-204.
- [2] Abu Talib Abdullah. Gaya dan strategi pemelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 daerah Johor Bahru. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- [3] Alhashemi, Abdullah, and Mahmoud Ali. "Vocabulary Learning Strategies Used by Learners of Arabic as a Foreign Language in the University of Islamic Sciences in Malaysia and their Beliefs about Vocabulary Learning." *Journal of Educational Sciences* 8, no. 2 (2012): 105-117.
- [4] Al-Otaibi, Ghazi N. "Language learning strategy use among Saudi EFL students and its relationship to language proficiency level, gender and motivation." PhD diss., Indiana University of Pennsylvania (2004).
- [5] Shawwa, W. K. "Enhancing learner autonomy in vocabulary learning: How and why." 1<sup>st</sup> National Conference on Improving TEFL Methods & Practices at Palestinian Universities, 2010.
- [6] Al-Suwairkeh, Saleh. Vocabulary learning strategies used by AFL (Arabic as a foreign language) learners in Saudi Arabia, PhD Thesis, University of Leeds (2001).
- [7] Alwahibee, Khalid M. *The relationship between language learning strategies and the English language oral proficiency of Saudi university-level ESL students*. ProQuest, 2000.
- [8] Azlin Mazniwati Mohamed Azhari. English language learning strategy used by Form 4 students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- [9] Chamot, A., Catharine Keatley, C. Meloni, Margaret Gonglewski, and Abigail Bartoshesky. "Developing Autonomy in Language Learners." *C. f. A. Linguistics (Ed.)*. Washington, DC: National Capital Language Resource Center, 2010.
- [10] Chang, S. A Study of language learning behaviors of Chinese students at the University of Georgia and the relation of those behaviors to oral proficiency and others factors Dissertation Ph.D. Athens, University of Georgia (1990).
- [11] Chou, Yu-Chen. *An exploratory study of language learning strategies and the relationship of these strategies to motivation and language proficiency among EFL Taiwanese technological and vocational college students*. UMI Dissertation Services (2002).
- [12] Cross, David. "Sex differences in achievement." *System* 11, no. 2 (1983): 159-162.
- [13] Doering, Lynda. Language learning strategies of younger second language learners. Dissertation M.A, University of Western Ontario (1999).
- [14] Dornyei, Z. "Conceptualizing motivation in foreign-language learning." *Language learning* 40, (1990): 45-78.
- [15] Eggen, Paul D., and Donald P. Kauchak. *Educational psychology: Windows on classrooms*. Prentice Hall, 2007.
- [16] Ehrman, Madeline, and Rebecca Oxford. "Effects of sex differences, career choice, and psychological type on adult language learning strategies." *The modern language journal* 73, no. 1 (1989): 1-13.
- [17] Ellis, Rod. *The study of second language acquisition*. Oxford University, 1994.
- [18] Faizahani, R. "Strategies Employed by Good and Weak English Learners and Factors Affecting the Choice of Strategies." *Unpublished master thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi* (2003).
- [19] Gardner, Robert C., and Wallace E. Lambert. "Attitudes and Motivation in Second-Language Learning." Rowley, M.A: Newbury House (1972).
- [20] Gardner, R.C. Social psychological aspects of language learning: the role of attitudes and motivation. London: Edward Arnold (1985).
- [21] Ghazal, Lotfi. "Learning vocabulary in EFL contexts through vocabulary learning strategies." *Novitas-Royal* 1, no. 2 (2007): 84-91.
- [22] Green, John M., and Rebecca Oxford. "A closer look at learning strategies, L2 proficiency, and gender." *TESOL quarterly* (1995): 261-297.

- [23] Baharudin, Harun, and Zawawi Ismail. "Vocabulary learning strategies and arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia." *International Education Studies* 7, no. 13 (2014): 219-226.
- [24] Harun, Baharudin, Zawawi, Ismail. *Konsep & Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Cetakan Pertama. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (2016).
- [25] Harun, Baharudin. *Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2014).
- [26] Ho, C-M. *The use of language learning strategies by Chinese-speaking international ESL program students and their self-perceived social distance with the target language group*. Dissertation Ph.D. University of Houston (2004).
- [27] Hong, Kyungsim. *Beliefs about language learning and language learning strategy use in an EFL context: a comparison study of monolingual Korean and bilingual Korean-Chinese university students*. Dissertation Ph.D. University of North Texas (2006).
- [28] Teh, Kamarul Shukri Mat, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Zamri Mahamod. "Hubungan Tahap Motivasi dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu." *Jurnal Teknologi* 52 (2010): 57-67.
- [29] Teh, Mat, Kamarul Shukri, Nik Yusoff, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin Embi, and Zamri Mahamod. "Hubungan gender dengan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu." *Malaysian Journal of Learning & Instruction* 5 (2008): 117-138.
- [30] Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman, & Siti Salwa Mohd Noor. *Hubungan tahap pencapaian bahasa Arab dengan strategi pembelajaran bahasa model kognitif dan sosial kognitif dalam kalangan pelajar UNISZA*. Laporan Penyelidikan Dana Universiti UDM/09/BR0018. Kuala Terengganu: UNISZA, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (2013).
- [31] Kamarul Shukri Mat Teh. *Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: menelusuri arus perubahan*. Kertas kerja Bengkel Pengajaran Bahasa Arab. Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu, 26 Ogos 2006.
- [32] Kamarul Shukri Mat Teh. *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (2009).
- [33] Krejcie, Robert V., and Daryle W. Morgan. "Determining sample size for research activities." *Educational and psychologist measurement* 30, no. 3 (1970): 607-610.
- [34] Lan, R. L. *Language learning strategies profiles of EFL elementary school students in Taiwan* (Unpublished doctoral dissertation). University of Maryland-College Park (2005).
- [35] Nafi, Linamalini Mat, and Kamarul Shukri bin Mat Teh. *Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) dalam kalangan pelajar IPT Kelantan*. *The Online Journal of Islamic Education*, Special Issue of ICIED (2014): 1-8.
- [36] Macaro, E. *Learning strategies in foreign and second language classrooms*. London and New York: Continuum (2001).
- [37] Adnan, Mohamad Azrien Mohamed, and Zamri Ghazali. "Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dan Efikasi Kendiri: Kajian Ke Atas Pelajar Universiti di Semenanjung Malaysia." *SARJANA* 26, no. 1 (2011): 81-99.
- [38] Embi, Mohamed Amin, Zamri Mahamod, and Mohd Nazali Abu Bakar. "Pola penggunaan startegi pembelajaran bahasa Melayu." *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature* 7 (2001): 95-109.
- [39] Mohamed Amin Embi. *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. Dissertation PhD School of Education, University of Leeds (1996).
- [40] Mohamed Amin Embi. *Language learning strategies: A Malaysian context*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (2000).
- [41] Bakar, Mohd Nazali Abu, Mohamed Amin Embi, and Zamri Mahamod. "Hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan pembolehubah jantina, etnik, pencapaian bahasa dan status sosioekonommi pelajar." *Jurnal Teknologi* 31, no. E (1999): 43-62.
- [42] Ismail, Mohd Zaki, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha, and Nurazan M. Rouyan. "Strategi pembelajaran kosa kata berimbuhan bahasa Arab." *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 13, no. 1 (2016): 113-133.
- [43] Nambiar, Radha. "Learning Strategy Research--Where Are We Now." *Reading Matrix: An International Online Journal* 9, no. 2, 132-149 (2009): 132-149.
- [44] Nation, P. *Teaching and learning vocabulary*. New York: Heinle and Heinle (1990).
- [45] Mustapha, Nik Hanan, and Rabiatul Aribah Muhd Isa@Omar. "Arabic vocabulary learning strategies among non-native speakers: A Case of IIUM." *GJAT* 4, no. 2 (2014): 125-133.
- [46] Nunan, David. *Second Language Teaching & Learning*. Heinle & Heinle Publishers, 7625 Empire Dr., Florence, KY 41042-2978, 1999.
- [47] Nurazan Mohamad Rouyan. *Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di Kusza (Disertasi Sarjana Pengajian Islam)* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (2006).

- [48] O'MALLEY, J. MICHAEL, Anna Uhl Chamot, G. L. O. R. I. A. STEWNER-MANZANARES, Rocco P. Russo, and Lisa Küpper. "Learning strategy applications with students of English as a second language." *TESOL quarterly* 19, no. 3 (1985): 557-584.
- [49] O'Malley, M., and Chamot, A. Learning strategies in second language acquisition. Cambridge: Cambridge University Press (1990).
- [50] Okada, Mayumi, Rebecca L. Oxford, and Suzuna Abo. "Not all alike: Motivation and learning strategies among students of Japanese and Spanish in an exploratory study." *Language learning motivation: Pathways to the new century* (1996): 105-119.
- [51] Orlich, Donald C. "A new analogue for the cognitive taxanomy." *Clearing house* 64, no. 3 (1991): 159-162.
- [52] Osanai, Dai. Differences in language learning strategies between male and female, and also between Asian and Latino ESL students. Dissertation PhD University of Tennessee (2000).
- [53] Oxford, R. L. Language learning strategies around the world: Cross cultural perspectives. University of Hawaii Press: Manoa. (1995).
- [54] Oxford, R. Language learning strategies: What every teacher should know. Rowley: Newbury House (1990).
- [55] Oxford, Rebecca L., and Madeline E. Ehrman. "Adults' language learning strategies in an intensive foreign language program in the United States." *System* 23, no. 3 (1995): 359-386.
- [56] Oxford, Rebecca, and Martha Nyikos. "Variables affecting choice of language learning strategies by university students." *The modern language journal* 73, no. 3 (1989): 291-300.
- [57] Oxford, R.L. Language learning strategies: an update ERIC Digest Washington DC: ERIC Clearinghouse on language and linguistic ED376707 (1994).
- [58] Park, G.P. Language learning strategies and English proficiency in Korean university students. *Foreign Language Annals* 30, no. 2 (1997): 211-221.
- [59] Politzer, R.L. An explanatory study of self-reported language learning behaviors and their relation to achievement. *Studies in Second Language Acquisition* 6 (1983): 54-68.
- [60] Rosni Samah. Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (2009).
- [61] Scharle, Á., & Szabó, A. Learner autonomy: A guide to developing learner responsibility. Cambridge: Cambridge University Press (2000).
- [62] Schmitt, Norbert. Key issues in teaching and learning vocabulary. In Beltrán, R. C., Abello-Contesse, C., & Torreblanca-López, M. (Eds.), *Insights into non-native vocabulary teaching and learning* (pp. 28-40) (2010) *Multilingual Matters*.
- [62] Schmitt, N., and McCarthy, M. Vocabulary descriptive, acquisition and pedagogy: Cambridge language Teaching Library. Cambridge: Cambridge University Press (1997).
- [63] Schoenfeld, A.H. "Toward a theory of teaching-in-context." *Issues in education* 4, no. 1 (1998): 1-94.
- [64] Soleh Mahjub Muhammad al-Tanqawi. *Istiraatijyyat ta'allum maharah al kalam lada al-darisiin almaliziiyyin* (2001).
- [65] Tan Teow Ghee. Language learning strategies used by Malay students learning Mandarin as a third language. *Kertas kerja 3<sup>rd</sup> International Language Learning Conference*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 29-31 Oktober 2008.
- [66] Sekaran, Uma. *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons, 2006.
- [67] Wharton, Glenn. "Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore." *Language learning* 50, no. 2 (2000): 203-243.
- [68] Woolfolk, A. *Educational psychology*. 9<sup>th</sup> Edition. Boston: Allyn and Bacon (2004).
- [69] Mahamod, Zamri, and N. Suriya N. Mustapha. "Strategi pembelajaran biologi di kalangan pelajar sekolah menengah." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 32 (2007): 153-175.
- [70] Zamri Mahamod. *Inovasi P&P dalam pendidikan bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI. Cetakan Pertama (2012).